

21/02/2003

Memulihkan semangat tercalar warga JB

Othman Mamat

JOHOR Bahru kini hampir mencapai tahap kawasan maju yang setaraf dengan bandar raya lain di negara Dunia Pertama.

Itulah inti pati kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila menyatakan Johor Bahru kini berada di tempat kedua selepas Kuala Lumpur dari segi pencapaian kemajuannya.

Kenyataan ikhlas Perdana Menteri itu disampaikan kepada puluhan ribu warga Johor Bahru sendiri pada majlis muhibah bersama rakyat sempena upacara pecah tanah projek Gerbang Selatan Bersepadu (GSB) dan projek perumahan rakyat di Bukit Chagar, Johor Bahru, genap seminggu lalu.

Dr Mahathir berkata: "Sekarang ini, dianggarkan Kuala Lumpur sudah mencapai tahap kawasan maju yang setaraf dengan negara maju di dunia. Tetapi, Johor Bahru tidak ketinggalan jauh di belakang. Sebenarnya selepas

Kuala Lumpur, Johor Bahru yang mencapai kemajuan tinggi."

Perdana Menteri berkata, Johor Bahru kini mempunyai banyak bangunan pencakar langit yang menggambarkan kemajuan dicapainya adalah lebih baik berbanding pembangunan Singapura pada 1947.

Rakyat Johor, khususnya warga bandar raya Johor Bahru, pasti gembira mendengar 'pengiktirafan' Dr Mahathir, apatah lagi Johor kini dikatakan menjadi saingan utama Singapura dalam bidang perindustrian.

Contohnya, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Gelang Patah, dilaporkan sudah mengambil alih monopoli pelabuhan Singapura apabila berjaya menarik beberapa syarikat gergasi perkapalan dunia ke situ walaupun baru beberapa tahun beroperasi.

Johor juga menjadi destinasi pelancongan utama bagi warga Singapura yang mahu membebaskan diri buat seketika daripada kebingitan kota yang penuh dengan kesesakan dan kesibukan.

Dalam keseronokan mendapat pujian Perdana Menteri itu, kebanyakan warga Johor Bahru sebenarnya masih keliru dengan status bandar raya bertaraf maju apabila menoleh ke sekeliling kawasan yang ditadbir Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Ada antara mereka tertanya-tanya untuk mendapat kepastian, kenapa status Datuk Bandar Johor Bahru tidak setanding dengan rakan sejawatannya di ibu kota, walhal tarafnya dikatakan hampir sama.

Bukanlah bermaksud menidakkan atau mempertikaikan kenyataan Perdana Menteri, tetapi mereka sebenarnya mahu melihat pencapaian bandar raya ini lebih baik dalam semua aspek.

Mereka mahukan supaya MBJB dan datuk bandarnya bersikap lebih mesra rakyat dan tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata, selaras dasar

diperkenalkan kerajaan dalam birokrasi perkhidmatan awam.

Apa pun, mereka kini mendapat sinar harapan baru dengan kehadiran Datuk

Wahid Dahlan yang secara rasmi mengambil alih tugas Datuk Bandar daripada

Datuk Johari Suratman mulai esok.

Johari akan tetap dikenang sebagai seorang yang berjasa kepada bandar raya ini setelah hampir dua setengah tahun mencurahkan tenaga dan buah fikirannya untuk memajukan Johor Bahru.

Namun, warga Johor Bahru tetap berharap Wahid dapat memulihkan imej MBBB

yang sedikit tercalar angkara beberapa tindakan yang melukakan hati mereka

dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini.

Mereka pasti akan melupakan kepahitan yang dilalui selama ini dan sekali

gus memugar cita-cita baru untuk melihat pembaharuan bakal dilaksanakan MBBB di bawah kepemimpinan Wahid yang selama ini dihormati sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Pengarah Jabatan Agama Islam Johor.